

Terdapat banyak jenis alat bantuan berjalan/tongkat yang mudah didapatkan. Berikut panduan mendapatkan jenis yang sesuai dengan keperluan anda.



1 TONGKAT BERBINGKAI BERODA (ROLLATOR)

- Jenis tongkat berkaki empat yang lebar bagi kegunaan mereka yang memerlukan sokongan pada kedua-dua belah tubuh tetapi tidak berdaya mengangkatnya.
- Mungkin diberikan kepada mereka yang mahu berlatih berjalan seperti biasa atau bagi mereka yang menghadapi penyakit kardiovaskular atau isu lain.

2 TONGKAT BERBINGKAI

- Diberikan kepada mereka yang memerlukan sokongan pada kedua-dua belah tubuh dengan kemampuan berdiri terhad dan lemah pada bahagian bawah tubuh.
- Berbanding dengan jenis beroda, penggunaanya perlu cukup kuat untuk mengangkatnya.

3 TONGKAT BERKAKI EMPAT JENIS LEBAR, KURANG LEBAR

- Bagi kegunaan pesakit yang dapat mengimbangi tubuh dan mempunyai lebih banyak tenaga pada bahagian bawah tubuh serta sering keluar berjalan.
- Mungkin diberikan kepada pesakit yang hanya dapat menggunakan sebelah tangan, umpamanya mereka yang diserang angin ahmar.
- Tongkat dengan dasar lebih lebar lebih stabil.

4 TONGKAT

- Bagi pesakit yang hanya memerlukan sedikit sokongan untuk berjalan.
- Kurang stabil berbanding jenis tongkat yang lain tetapi paling mudah digunakan.